



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/11/117 (HQ)

TNB SUMBANG SOLAR PANEL DI 19 INSTITUSI KEBAJIKAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini, melancarkan Projek Komuniti Lestari melalui pemasangan sistem solar panel jenis *photovoltaic (PV)* di 19 institusi terpilih.

Projek menggunakan kuota komuniti di bawah Skim Galakan Tarif (FiT) yang dikawal selia Pusat Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Ia berkapasiti 204KW dengan kos RM2.04 juta.

Projek Komuniti Lestari ini dilaksanakan susulan saranan kerajaan supaya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) turut memainkan peranan membantu kerajaan untuk memupuk kesedaran dan meningkatkan pengetahuan masyarakat berkaitan tenaga elektrik yang dijana menerusi tenaga solar. Ia juga bertujuan untuk membantu kerajaan mempromosi satu lagi sumber tenaga iaitu Tenaga Boleh Baharu.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, buat permulaannya Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihian Bangi, Sungai Merab, Selangor, telah dipasang dengan solar panel berkapasiti 24KW dengan kos RM204 ribu. Institusi ini akan menerima pendapatan berjumlah lebih RM2,700 sebulan; RM32,000 setahun, dan RM690,000 dalam tempoh 21 tahun.

“Manakala baki setiap 18 lagi institusi akan dipasang sistem solar berkapasiti 10KW. Setiap institusi akan menerima pendapatan berjumlah RM1,100 sebulan; RM13,700 setahun, dan RM288,000 dalam tempoh 21 tahun,” kata Roslan.

Menurut Roslan lagi, projek ini tidak terhenti setakat 19 institusi ini sahaja. TNB telah mengenal pasti institusi-institusi lain di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bersesuaian dimana lebih kurang 40 institusi akan menerima projek ini.

“Bagi menjayakan Projek Komuniti Lestari, TNB melantik anak syarikatnya, TNB Energy Services Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kerja-kerja pendaftaran online, pemasangan dan



S.A. 2015/11/117 (HQ)

pentauliahan panel solar di setiap institusi yang dikenal pasti, pemantauan secara online dan kerja-kerja operasi dan senggaraan. Ini bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar di sepanjang tempoh 21 tahun perlaksanaannya,” tambah Roslan.

Projek dilancarkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Rohani Abdul Karim, di Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihian Bangi, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sabariah Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Dato’ Dr. Nadzri Yahaya, dan Ketua Pegawai Operasi, Pusat Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Dato’ Ir. Dr. Ali Askar Sher Mohamad.

Dikeluarkan di Bangi, Selangor, pada 24 November 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Teng Yoon Soon (019-29312280) / Hawa Anwar (019-2691907)*

media@tnb.com.my